

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK CHUA TEE YONG [LABIS]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan daripada semua sekolah dalam negara, berapa banyak ada dewan sendiri dan bolehkah ia dikategori mengikut Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (C), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 5104 buah sekolah rendah dan menengah daripada 10 132 buah sekolah seluruh negara mempunyai dewan sendiri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2521 buah Sekolah Kebangsaan mempunyai dewan sendiri, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebanyak 834 buah sekolah dan Sekolah Jenis Kebangsaan sebanyak 143 buah sekolah. Dewan sekolah merangkumi dewan yang dibina mengikut pelan, ubahsuai kekal dan ubahsuai sementara.